



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**PERTUMBUHAN EKONOMI YANG SIHAT MEMADAMKAN SEBARANG KEBIMBANGAN DEFLASI EKORAN
PENURUNAN INDEKS HARGA PENGGUNA (CPI) SEBANYAK 0.7% TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN JANUARI
2019**



PENURUNAN INDEKS HARGA PENGGUNA SEBANYAK 0.7% TAHUN-KE-TAHUN SEMASA EKONOMI NEGARA BERKEMBANG SIHAT MEMBUKTIKAN BAHAWA DASAR KERAJAAN MEMANFAATKAN RAKYAT

Pertumbuhan ekonomi yang sihat, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tahun 2018 meningkat 4.7%, secara serta-merta memadamkan sebarang kebimbangan deflasi ekoran penurunan Indeks Harga Pengguna (CPI) sebanyak 0.7% tahun-ke-tahun untuk bulan Januari 2019, iaitu kadar yang terendah dalam tempoh hampir 10 tahun. Penurunan CPI ini membuktikan bahawa dasar Kerajaan Pakatan Harapan memansuhkan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) dan menggantikannya dengan Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST), serta menstabilkan harga minyak melalui pengenaan harga siling berjaya mengembangkan ekonomi negara untuk manfaat para peniaga dan rakyat.

Penurunan harga ini disebabkan oleh harga input yang lebih murah. Sebagai contoh, harga purata minyak petrol RON95 dalam bulan Januari 2019 adalah kira-kira 13% lebih rendah berbanding bulan Januari 2018. Ini mempunyai kesan positif ke atas harga barangan dan perkhidmatan yang tidak lagi dikenakan GST. Dasar penstabilan harga minyak menyalurkan penjimatan yang diperolehi daripada harga yang lebih rendah terus kepada pengguna dan pada masa yang sama, mekanisme harga siling melindungi mereka daripada harga minyak dunia apabila ia melambung tinggi.

PENURUNAN HARGA MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

Penurunan harga ini akan meningkatkan kuasa membeli rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Keadaan inflasi yang rendah telah menggalakkan perbelanjaan swasta tumbuh pesat pada kadar 9.0% dan 8.5% tahun-ke-tahun masing-masing pada suku ke-3 dan ke-4 2018.

Ekonomi negara sedang bertumbuh dengan sihat dan Kerajaan mengunjurkan KDNK 2019 akan terus berkembang sebanyak 4.9% setelah ia tumbuh 4.7% pada tahun lepas. Kepastian, kejelasan dan konsistensi dasar Kerajaan telah meningkatkan keyakinan peniaga, pasaran modal dan pelabur. Pertumbuhan KDNK suku ke-4 2018 sebanyak 4.7% juga adalah lebih pesat berbanding jangkaan pasaran 4.5% seperti yang dilaporkan oleh Bloomberg.

Pertumbuhan Malaysia yang lebih pesat berbanding jangkaan pasaran dan pertumbuhan ekonomi bertaraf A-/A3 telah meyakinkan agensi penarafan kredit antarabangsa untuk mengekalkan penarafan kredit Kerajaan Malaysia pada tahap tinggi A- atau A3. Fitch Ratings merupakan agensi terbaharu yang mengesahkan penarafan kredit Malaysia pada tahap A- dengan tinjauan yang stabil. Pengesahan Fitch Ratings ini bukan sahaja berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang sihat tetapi juga berdasarkan kepada ketelusan usaha Kerajaan melakukan reformasi fiskal untuk memerangi korupsi, konsolidasi fiskal yang berterusan serta imbangan akaun semasa Malaysia yang positif pada paras 2.3% berbanding KDNK.

PENURUNAN HARGA JANUARI 2019 BUKAN DEFLASI 2009

Penurunan CPI dalam bulan Januari 2019 bukan disebabkan oleh kelemahan permintaan ataupun pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya ia disebabkan oleh faktor bekalan dalam bentuk harga input yang lebih murah, iaitu pengurangan harga minyak petrol dan minyak lain. Ini adalah berdasarkan kepada data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang boleh diperolehi oleh orang awam secara percuma.

Ini menjadikan penurunan harga dalam bulan Januari 2019 sangat berbeza daripada deflasi harga yang berlaku semasa tahun 2009. Semasa Krisis Kewangan Sedunia, Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi di mana KDNK negara merudum 5.8% untuk suku pertama, jatuh 3.7% pada suku ke-2 dan kemudiannya turun 1.1% pada suku ke-3 pada tahun 2009. Di sini, perlu diingatkan bahawa deflasi harga dari sudut tahun-ke-tahun hanya berlaku setelah kemelesetan berlangsung. Tambahan lagi, pengeluaran industri telah merosot dengan mendadak sebelum kemelesetan ekonomi dan deflasi harga bermula (**lihat Jadual 1**). Ini bermakna deflasi harga bagi tahun 2009 adalah diakibatkan oleh kemelesetan ekonomi apabila sektor isi rumah dan perniagaan mengurangkan pembelian mereka.

Jadual 1: Pertumbuhan tahun-ke-tahun untuk KDNK, pengeluaran industri dan harga pengguna pada tahun 2009

Suku	Pertumbuhan KDNK	Pertumbuhan pengeluaran industri	Inflasi harga pengguna
S1 2009	-5.8%	-14.2%	3.8%
S2 2009	-3.7%	-10.7%	1.4%
S3 2009	-1.1%	-7.0%	-2.3%

Sebagai perbandingan, penurunan harga pada Januari 2019 bukan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi ataupun kelemahan permintaan. KDNK negara terus berkembang dan pengeluaran industri pula sedang meningkat (**lihat Jadual 2**). Walaupun data untuk KDNK dan pengeluaran industri untuk suku pertama 2019 masih lagi dikumpulkan, pemerhatian semasa mencadangkan bahawa kedua-dua statistik sedang mengalami pertumbuhan.

Jadual 2: Pertumbuhan tahun-ke-tahun untuk KDNK, pengeluaran industri dan harga pengguna pada tahun 2018-2019

Suku	Pertumbuhan KDNK	Pertumbuhan pengeluaran industri	Inflasi harga pengguna
S3 2018	4.4%	2.4%	0.5%
S4 2018	4.7%	3.5%	0.3%
S1 2019	Masih dikumpul	Masih dikumpul	-0.7% (Januari)

Satu lagi perkara yang membuktikan kesihatan ekonomi negara berada pada paras yang baik ialah kajian selidik yang dijalankan oleh Nielsen. Kaji selidik tersebut menunjukkan bahawa keyakinan pengguna Malaysia berada pada paras 118 mata pada suku ke-4 2018, iaitu 24 mata lebih tinggi daripada suku yang sama tahun 2017. Peningkatan ketara ini

adalah yang tertinggi antara semua negara yang diselidik dan ia menjadi pengguna Malaysia sebagai yang ke-7 paling yakin di kalangan 64 ekonomi dunia. Tambahan lagi, pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan bagi sektor pembuatan untuk 9 bulan pertama 2018 telah meningkat kepada RM48.8 bilion, atau 249% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017. Pelaburan ini akan mewujudkan 41,000 pekerjaan pembuatan berkualiti yang baharu dalam masa 2-3 tahun yang akan datang dan ia akan menyumbang kepada kenaikan gaji pekerja.

Walaupun CPI menurun 0.7%, Kerajaan sedar bahawa banyak lagi perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup rakyat Malaysia, terutama sekali bagi golongan B40. Kerajaan sedang berusaha untuk memastikan supaya penurunan CPI ini dapat dirasakan dan dinikmati oleh seluruh pelosok masyarakat.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
24 Februari 2019

[Tweet](#)

[Like](#)

Be the first of your friends to like this.